

SEORANG sukarelawan yang memakai kostum burung memberi taklimat mengenai peranan hidupan liar di dalam hutan kepada peserta.



Hayati ekosistem hutan di luar kelas

Program Pendidikan Alam Semula Jadi anjuran Universiti Putra Malaysia berjaya meningkatkan rasa cinta dan sayang terhadap hutan ke dalam diri murid-murid sekolah Program Pendidikan Khas Integrasi masalah pembelajaran.



KAMARUDIN



NURUL ZAITUN

SEAVAL pukul 7 pagi 29 September lalu, Nurul Zaitun Mohd Zahari, 15, sudah bersiap-siap untuk menyertai rakan sekolahnya yang lain bagi mengikuti Program Pendidikan Alam Semula Jadi (PPAS) di kawasan Hutan Simpan Ayer Hitam di Puchong, Selangor.

Pada pagi itu, dia sangat teruja apabila bakal menimba pengalaman memasuki kawasan hutan simpan untuk melihat sendiri suasana persekitarannya, apatah lagi ia merupakan kali pertama baginya.

"Sebelum ini saya memang tidak pernah masuk ke

kawasan hutan.

"Sebab itulah saya sangat seronok apabila diberi peluang masuk ke dalam hutan simpan di sini. Selain dapat mempelajari pelbagai perkara mengenai hutan, saya dan rakan-rakan lain juga dapat menikmati suasana tenang berada di dalamnya," katanya.

Nurul Zaitun merupakan antara 25 murid program pendidikan khas integrasi (PPKI) dari lima buah sekolah di sekitar daerah Sepang yang dibawa ke Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Puchong yang dikendalikan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini.

Jelasnya, walaupun hanya berkesempatan berada di kawasan hutan itu selama beberapa jam, namun ia sudah cukup untuk menimbulkan rasa cinta dan sayang terhadap hutan di dalam dirinya.

Terapi

Perkara itu turut diakui seorang guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi, Kamarudin Mustafa, 32, yang mengiringi lima murid sekolah tersebut untuk menyertai program berkenaan.

Menurutnya, walaupun hanya berlangsung separuh hari, namun pengisian program yang disusun oleh pihak UPM itu telah banyak membantu peserta meningkatkan pengetahuan mereka mengenai ekosistem hutan.

"Kesemua peserta merupakan murid berkeperluan khas dan ramai antara mereka yang tidak pernah masuk ke dalam hutan.

"Oleh itu, program PPAS sangat berkesan dalam meningkatkan pemahaman mereka tentang kepentingan hutan di dalam kehidupan seharian," katanya.

PPAS merupakan aktiviti pendidikan mengenai hutan dan alam semula jadi yang dilaksanakan oleh Fakulti Perhutanan UPM sejak tahun lalu.

Ia dijalankan bagi memberi pendedahan kepada murid-

murid PPKI kepada alam semula jadi dan kepelbagaiannya sumber hutan di samping membantu meningkatkan keyakinan diri mereka ketika meneroka kawasan hutan.

Ia juga dilaksanakan sebagai satu bentuk terapi kepada peserta yang merupakan pelajar kelainan upaya menerusi pembelajaran di luar bilik darjah.

Menghurai lebih lanjut mengenai program tersebut, Pengarah Program, Dr. Norzanaliza Saadon berkata, PPAS dilaksanakan bagi mewujudkan jaringan dalam kalangan sekolah-sekolah yang aktif dengan program pendidikan alam sekitar.

Katanya, program yang telah masuk tahun kedua penganjurannya itu dikhaskan untuk penyertaan murid-murid PPKI sebagai usaha mendekatkan diri mereka dengan alam semula jadi.

"Kita memang tahu bahawa golongan ibu bapa agak sukar untuk memberi kebenaran kepada anak-anak mereka yang tergolong dalam kalangan murid PPKI untuk melibatkan diri dalam aktiviti luar bilik darjah terutama untuk masuk ke kawasan hutan atau sungai disebabkan faktor keselamatan."

"Jadi, menerusi program yang dianjurkan oleh Fakulti Perhutanan UPM ini, kita telah meyakinkan mereka bahawa ia akan dilaksanakan dalam keadaan yang sangat terkawal terutama dari



EVELYN (berdiri) mengendalikan aktiviti berkumpulan semasa majlis penutup Program Pendidikan Alam Semula Jadi yang diadakan baru-baru ini.